

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, February 14, 2017 7:16 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: UUM-UNEC Manfaat Usaha Sama Selepas Meterai MoU



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



14 FEBRUARI 2017 / 17 JAMADILAWAL 1438H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media

UUM-UNEC MANFAAT USAHA SAMA SELEPAS METERAI MoU



UUM ONLINE: Maghribi, 14 Februari - Naib Canselor yang mewakili UUM turut menandatangani MoU dengan Azerbaijan State University of Economics (UNEC) di Baku, Azerbaijan yang diwakili Naib Rektor UNEC, Dr Shahin V Bayramov, semalam.

Majlis menandatangani MoU ini berlangsung ketika Naib Canselor menghadiri Persidangan Federation of the Universities of the Islamic World (FUIW) di Rabat.

MoU ini dapat direalisasikan hasil daripada perbincangan antara Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim, Penolong Naib Canselor UUM COB dengan UNEC semasa lawatan beliau ke sana sebelum ini.

Azerbaijan State University of Economics (UNEC) yang diasaskan pada tahun 1930 merupakan satu daripada institusi pengajian tinggi terbesar di Caucasus Selatan.

UNEC mempunyai lebih daripada 1000 orang tenaga pengajar, termasuk 120 orang profesor dan 600 pembantu profesor yang antaranya merupakan ahli National Academy of Sciences dan New York Academy of Sciences.

Jumlah pelajar pada masa kini mencecah 80,000 orang yang sedang mengikuti pengajian dalam 21 bidang kepakaran di 11 fakulti.

Dengan terjalannya MoU ini, pelbagai kerjasama dapat dilaksanakan yang akan memberi manfaat kepada UUM dan UNEC, antaranya adalah usaha sama menjalankan pengajian dan latihan di peringkat prasiswazah dan pascasiswazah, penyelidikan, program mobiliti, latihan amali, pertukaran pensyarah, mengendalikan projek khas dan bidang lain yang dipersetujui kedua-dua pihak.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.